

BAB 5

KESIMPULAN DAN SARAN

A. KESIMPULAN

Dari uraian-uraian yang telah dipaparkan dalam bab-bab sebelumnya maka, sesuai dengan tujuan penelitian ini, yaitu mencari jawapan di atas pokok-pokok masalah yang telah ditetapkan, maka dapat diambil kesimpulan seperti berikut:

1. Kategori hukum pidana pemerkosaan adalah berbeda di Aceh dan Kelantan kerana Aceh meletakkan tindak pidana pemerkosaan sebagai kesalahan takzir, sedangkan Kelantan meletakkannya sebagai kesalahan hudud. Perbezaan ini telah menyebabkan bentuk hukuman yang berbeda di kedua-dua negeri.
2. Dalil-dalil yang digunakan bagi menentukan kategori hukum pidana pemerkosaan di Aceh dan Kelantan adalah berbeda. Asas yang pertama ialah bahawa tiada sebarang hukuman yang ditetapkan oleh syarak berkait dengan tindak pidana pemerkosaan. Kerna itu, para ulama berselisih dalam menentukan kategorinya. Di Aceh, ia dikategorikan sebagai takzir mengikut kaedah Mazhab Syafie terhadap kesalahan yang tiada nas (maskut) tentang hukumannya. Oleh kerana hudud memerlukan ayat yang muhkam dan bersifat thawabit yang tidak boleh menerima qias, maka ia dikategorikan sebagai takzir. Di Kelantan, para ulama mengambil pendekatan Mazhab Hanafi yang menyamakan kesalahan pemerkosaan dan zina berdasarkan persamaan tujuannya iaitu untuk



melakukan persetubuhan haram. Berasaskan kaedah dalalah an-nas dalam Mazhab Hanafi ini, Kelantan meletakkan tindak pidana pemerkosaan sebagai kesalahan hudud.

3. Bentuk hukuman yang dikenakan terhadap yang terpidana pemerkosaan di Aceh dan Kelantan juga berbeda kerana Aceh mempunyai wewenang untuk menetapkan bentuk sanksi kerana pidana pemerkosaan adalah kesalahan takzir, sedangkan Kelantan terikat dengan ketetapan Allah terhadap hukuman kepada yang terpidana zina. Jika diteliti, walaupun Aceh mengkategorikan pemerkosaan sebagai kesalahan takzir, tetapi hukuman yang dikenakan minimal 125 kali cambuk untuk pemerkosaan biasa dan minimal 150 kali cambuk untuk pemerkosaan terhadap mahram dan anak sendiri, adalah lebih berat daripada 100 kali cambuk untuk pemerkosaan ghairu muhsan di Kelantan. Tinggal lagi, di Kelantan, bersama dengan 100 kali cambuk, terpidana dipenjara setahun. Perbezaan juga berlaku kerana Kelantan menghukum mati dengan rejam bagi pelaku pemerkosaan muhsan, sedang di Aceh hukum mati tidak dikenakan. Aceh juga, atas sifat kesalahan pidana pemerkosaan sebagai takzir, mahkamah mempunyai tiga pilihan untuk semua kesalahan ini iaitu sama ada cambuk, denda atau penjara mengikut jumlah yang telah ditetapkan oleh Qanun Jenayah Aceh. Di Kelantan pula, jika sabit kesalahan di mahkamah, hukuman adalah madatori dan tidak boleh dibuat pilihan kerana ia adalah kesalahan hudud.

B. SARAN

1. Kesalahan pemerkosaan adalah antara isu yang banyak diperkatakan oleh golongan liberal yang menolak perlaksanaan hukum syariat dan menuduhnya sebagai salah satu daripada sebab hukum syariat dikatakan tidak adil. Kerana itu, penelitian-penelitian



terhadap kedudukan hukum dan hukuman bagi kesalahan pemerkosaan perlu diperluas dengan lebih mendalam supaya jelas apakah kedudukan sebenar hukum Islam dalam soal ini, sekali gus boleh menutup pintu fitnah yang dibuka oleh musuh terhadap syariat Islam.

2. Usaha pelaksanaan semula hukum syariat semakin meningkat di rantau Asia Tenggara. Beberapa wilayah seperti Kelantan dan Terengganu di Malaysia, Aceh di Indonesia dan Brunei adalah antara negeri-negeri yang memperlihatkan komitmen untuk melaksanakan hukum jenayah syariat. Namun begitu, ternyata undang-undang syariat yang digubal bagi setiap wilayah tersebut mempunyai perbezaan dalam pelbagai aspek. Penelitian yang lebih mendalam perlu dibuat terhadap semua teks undang-undang syariat ini bagi memastikan pelaksanaannya tidak mendatangkan fitnah dan dapat memberikan keadilan yang saksama kepada semua manusia.

3. Tindak pidana pemerkosaan adalah antara pidana yang tidak terkawal pada masa kontemporer ini. Laporan yang dibuat di Amerika Serikat mengatakan “seorang wanita diperkosa setiap 90 saat di seluruh dunia” menunjukkan betapa seriusnya pidana ini. Kejayaan mengemukakan penyelesaian secara Islam, yakni dengan menerapkan undang-undang syariat sebagai penyelesaian masalah pemerkosaan akan membantu merungkaikan masalah sosial dunia ini. Penelitian bagi membantu melicinkan proses penerapan undang-undang syariat juga mesti diperbanyakkan, selain usaha untuk mempromosi kesedaran terhadap undang-undang Islam.

© Hak cipta milik UIN Suska Riau

State Islamic University of Sultan Syarif Kasim Riau

Hak Cipta Dilindungi Undang-Undang

1. Dilarang mengutip sebagian atau seluruh karya tulis ini tanpa mencantumkan dan menyebutkan sumber:
 - a. Pengutipan hanya untuk kepentingan pendidikan, penelitian, penulisan karya ilmiah, penyusunan laporan, penulisan kritik atau tinjauan suatu masalah.
 - b. Pengutipan tidak merugikan kepentingan yang wajar UIN Suska Riau.
2. Dilarang mengumumkan dan memperbanyak sebagian atau seluruh karya tulis ini dalam bentuk apapun tanpa izin UIN Suska Riau.

